

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Kolej Teknologi Pulau**

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004

September / Oktober 2003

**YKT 214 – TEKNOLOGI KOMUNIKASI**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **TIGA [3]** soalan.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Pemahaman tentang perkembangan teknologi komunikasi di peringkat antarabangsa tidak memadai tanpa satu pemahaman tentang konsep imperialisme. Bincangkan.
2. Bincangkan bagaimana idea-idea yang dikemukakan oleh Herbert Schiller dalam debat televisyen beliau dengan Ithiel de Sola Pool mempertikaikan pandangan Schramm dan Lerner tentang kaitan komunikasi dengan pembangunan.
3. Dengan berlakunya perkembangan pesat teknologi komunikasi, sistem demokrasi akan dipertingkatkan. Bincangkan dakwaan ini dengan menyediakan contoh-contoh dari Malaysia.
4. Bincangkan pandangan bahawa teknologi informasi dan komunikasi akan mengubahkan corak pekerjaan dan membebaskan manusia dari tugas-tugas yang membebankan dan membolehkan kita bertindak dalam masyarakat dengan lebih bermakna.
5. Dalam usaha memahami peranan dan potensi teknologi komunikasi, adalah lebih penting soal pemilikan dan penghasilan teknologi ini diteliti dari soal kegunaannya. Bincangkan.